

# UMT mahu pecah rekod buat 51 kolam

*KOSMO 04/09/08 pg.14*

KUALA TERENGGANU – Kumpulan Kebudayaan Baratham Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan cuba membuat 51 buah kolam sebagai simbolik sambutan kemerdekaan negara.

Usaha itu akan dilakukan selama tiga jam bermula pukul 8 hingga 11 pagi di Dewan Sultan Mizan, UMT bersempena majlis Citrawarna UMT 2008, 13 September ini.

Menurut Pengarah program, K. Logavannan, seramai 400 pelajar akan terlibat dalam usaha tersebut yang akan menggunakan hampas kelapa yang diwarnakan.

“Antara bentuk kolam yang akan dibuat ialah logo kemerdekaan, Jalur Gemilang, bendera Terengganu dan masjid kristal,” katanya ketika ditemui dekat sini, semalam.

Selain itu, katanya, mereka juga akan membuat kolum lambang penyu, logo Monsoon Cup, logo Sukan Malaysia 2008 serta banyak lagi.

Katanya, objektif utama program tersebut adalah untuk mengharumkan nama UMT serta memupuk semangat perpaduan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi UMT.

Katanya, program itu juga bertujuan untuk mengumpul dana yang akan disalurkan untuk warga emas yang memerlukan bantuan di sekitar negeri ini.

“Kami juga akan berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan Malaysia Book of Records untuk kolam terbanyak yang pernah dibuat setakat ini,” katanya.



LOGAVANNAN (dua dari kanan) bersama rakan pelajar UMT menunjukkan lakaran kolam di Kuala Terengganu semalam.